PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BHD lwn. SCOPELINK (M) SDN BHD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
KHADIJAH IDRIS PK
[WRIT SAMAN NO: 22A-680-2011]
7 FEBRUARI 2019

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman ingkar – Penguatkuasaan – Permohonan kebenaran bawah A. 46 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 bagi mengeluarkan writ pelaksanaan penghakiman ingkar – Sama ada format permohonan mematuhi A. 46 k. 3(1) – Sama ada ketidakpatuhan satu ketidakteraturan yang memprejudiskan – Sama ada tiada tindakan penguatkuasaan diambil plaintif selepas defendan-defendan memungkiri penyelesaian yang dicapai – Sama ada kelengahan plaintif disengajakan – Sama ada alasan mencukupi untuk menjustifikasikan mahkamah menjalankan kuasa budi bicara memberikan kebenaran permohonan – Sama ada plaintif telah 'slept on its right' selama enam tahun tanpa mengambil tindakan penguatkuasaan penghakiman ingkar*

Pada 15 Julai 2011, plaintif memfailkan writ saman dan penyataan tuntutan terhadap defendan-defendan pertama hingga keempat. Kausa tindakan plaintif terhadap defendan pertama adalah kemungkiran defendan pertama terhadap terma perjanjian kemudahan kewangan Bai Murabahah mengenai kemudahan pembiayaan yang diberikan oleh plaintif kepada defendan pertama. Manakala kausa tindakan terhadap defendan kedua hingga keempat adalah kemungkiran defendan kedua hingga keempat terhadap perjanjian jaminan di mana defendan kedua hingga keempat telah bersetuju untuk menjamin secara bersesama dan berasingan pembayaran balik keseluruhan jumlah yang harus dibayar oleh defendan pertama kepada plaintif bawah perjanjian kemudahan kewangan Bai Murabahah. Penghakiman ingkar kehadiran telah dimasukkan terhadap defendan pertama sehingga keempat. Pada 27 Mac 2013, plaintif telah menghantar surat kepada defendan-defendan menawarkan cadangan pembayaran balik secara bulanan sebanyak RM5,000 sebulan. Seterusnya, pada 10 Ogos 2017 dan 14 November 2017, tempoh penguatkuasaan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan telah tamat. Seterusnya, plaintif memohon kebenaran bawah A. 46 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') bagi mengeluarkan suatu writ pelaksanaan berhubung dengan dua penghakiman ingkar yang diperoleh terhadap defendan pertama hingga keempat. Pada 7 Jun 2018, Penolong Kanan Pendaftar ('PKP') telah menolak permohonan plaintif. Tidak berpuas hati, plaintif merayu. Menurut plaintif (i) defendan-defendan pertama hingga keempat gagal mematuhi bayaran bulanan yang telah ditetapkan dan dipersetujui pihak-pihak dan plaintif ingin meneruskan pelaksanaan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan tersebut; (ii) kelewatan plaintif untuk meneruskan pelaksanaan terhadap defendan-defendan adalah tidak disengajakan; dan (iii) plaintif telah beberapa kali memberi peluang

kepada defendan-defendan pertama hingga keempat untuk membayar baki hutang namun masih tiada sebarang tindakan dilakukan oleh defendan-defendan pertama hingga keempat. Berdasarkan nota prosiding dicatatkan PKP, permohonan untuk kebenaran ditolak adalah atas alasan-alasan (i) plaintif gagal menyatakan jumlah terhutang setakat tarikh permohonan untuk kebenaran difailkan pada 30 April 2018; dan (ii) notis minta kebenaran untuk mengeluarkan pelaksanaan (*ex parte*) plaintif gagal memenuhi format yang ditetapkan sepertimana dalam Borang 88 KKM 2012.

Diputuskan (menolak rayuan perayu):

(1) Notis permohonan untuk kebenaran plaintif iaitu kandungan 38 sememangnya bukan dalam format notis permohonan dalam Borang 88 KKM 2012. Ini bermakna format permohonan untuk kebenaran plaintif tidak mematuhi A. 46 k. 3(1). Plaintif tidak menyatakan amaun yang kena dibayar oleh defendan-defendan pertama hingga keempat pada tarikh notis permohonan untuk kebenaran difailkan iaitu pada 30 April 2018. Berhubung itu, mahkamah ini berpendapat ketidakpatuhan sedemikian adalah suatu ketidakteraturan yang tidaklah menyebabkan salah laksana keadilan yang substantial atau menyebabkan prejudis kepada defendan-defendan. Semakan ke atas kandungan 38 tersebut adalah jelas dan mencukupi berhubung dengan niat plaintif untuk mendapatkan perintah mahkamah supaya plaintif dibenarkan melaksanakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan selepas enam tahun penghakiman tersebut diperoleh. (perenggan 14)

(2) Aturan 46 k. 3 KKM 2012 tidak diniatkan sebagai mandatori supaya Borang 88 digunakan dengan ketat. Adalah memadai sekiranya mana-mana penyataan substansial yang terkandung dalam Borang 88 dinyatakan dengan jelas dalam kandungan 38. Sehubungan itu, ketidakpatuhan pada A. 46 k. 3(1) KKM 2012 bersifat teknikal yang tidak substansial sehingga boleh menyebabkan permohonan untuk kebenaran di kandungan 38 ditolak *in limine*. Sepertimana diperuntukkan dalam A. 1A KKM 2012, perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah kepentingan keadilan. Sehubungan itu, mahkamah ini berpendapat objektif untuk mencapai kepentingan keadilan tidak akan dicapai jika permohonan untuk kebenaran ditolak atas alasan ketidakpatuhan teknikal yang tidak substantial. (perenggan 14)

(3) Plaintif tidak langsung menerangkan mengenai tindakan yang telah diambil untuk menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan dalam tempoh enam tahun selepas penghakiman tersebut diperoleh. Plaintif mendakwa bahawa plaintif telah beberapa kali memberi peluang kepada defendan-defendan untuk membayar baki hutang namun masih tiada sebarang tindakan yang dilakukan defendan-defendan. Nampaknya, plaintif menggunakan peluang yang kononnya

diberikan kepada defendan-defendan pertama hingga keempat sebagai alasan menyokong permohonan untuk kebenaran. Perlu diingat di sini bahawa memberi peluang sedemikian bukanlah suatu tindakan penguatkuasaan bawah KKM 2012. Walau apapun, tiada keterangan jelas yang dikemukakan berkenaan dengan peluang yang dikatakan telah beberapa kali diberikan oleh plaintif kepada defendan-defendan pertama hingga keempat untuk menyelesaikan hutang bawah penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan. (perenggan 17 & 18)

(4) Tiada tindakan penguatkuasaan yang diambil plaintif selepas defendan-defendan memungkiri penyelesaian yang didakwa dicapai antara kedua-dua pihak. Surat plaintif bertarikh Mac 2013 dan jika defendan-defendan gagal membuat bayaran bulanan berjumlah RM5,000 dari Mac 2013 sehingga Februari 2014, plaintif sepatutnya bertindak menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan selewat-lewatnya selepas Februari 2014 kerana pada masa itu tempoh enam tahun masih berkuat kuasa. Tambahan pula, terma penyelesaian menghendaki defendan-defendan mendepositkan kepada plaintif 11 keping cek-cek bagi maksud bayaran bulanan. Oleh itu, plaintif sepatutnya boleh tahu dengan pasti apabila defendan-defendan gagal membuat pembayaran seperti terma penyelesaian yang didakwa dicapai oleh kedua-dua pihak dan seterusnya menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan tanpa berlengah-lengah. Namun tiada keterangan dikemukakan berhubung tindakan penguatkuasaan di pihak plaintif. (perenggan 21)

(5) Tiada alasan munasabah diberikan kenapa plaintif seharusnya menunggu defendan-defendan membuat bayaran dalam bulan Disember 2017 sedangkan pada masa itu telah melebihi enam tahun dari tarikh penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan diperoleh. Dengan sengaja menyatakan kelengahan mereka tidak disengajakan adalah amat tidak mencukupi sama sekali untuk dijadikan alasan untuk datang ke mahkamah dan meminta mahkamah ini membenarkan permohonan kebenaran. Plaintif mestilah terlebih dahulu mengemukakan alasan yang mencukupi dan munasabah bagi membolehkan plaintif diberikan kebenaran untuk menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan selepas enam tahun berlalu. (perenggan 23-26)

(6) Mahkamah ini mempunyai budi bicara untuk memberikan kebenaran bagi mana-mana permohonan bawah A. 46 k. 3 KKM 2012, tetapi budi bicara tersebut mestilah dijalankan dengan bijak berdasarkan prinsip undang-undang yang boleh ditetapkan. Di sini, tiada alasan yang mencukupi yang boleh dijadikan justifikasi untuk mahkamah ini menjalankan kuasa budi bicara tersebut. Plaintif telah 'slept on its right' selama enam tahun tanpa mengambil tindakan penguatkuasaan dan tanpa alasan yang munasabah berhubung kelengahan menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan. (perenggan 28)

Kes-kes yang dirujuk:
Affin Bank Bhd v. Wan Abdul Rahman Wan Ibrahim [2003] 1 CLJ 826 CA ***(dirujuk)***
Malayan Banking Bhd v. Foo See Moi [1981] 1 LNS 95 FC ***(dirujuk)***
Perwira Habib Bank Malaysia Bhd v. Golden Produce Sdn Bhd & Ors [1997] 3 CLJ Supp 365 HC ***(dirujuk)***
Public Bank Bhd v. Seato Trading (M) Sdn Bhd & Ors [1995] 1 LNS 326 HC ***(dirujuk)***
Tenaga Nasional v. Normala Mohd Yatim & Anor [2017] 1 LNS 1371 HC ***(dirujuk)***
Tio Chee Hing v. Chung Khiaw Bank Ltd [1981] 1 MLJ 227 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Evidence Act 1950, s. 23
Limitation Act 1953, s. 6(3)
Rules of Court 2012, O. 1A, O. 2, O. 46 rr. 2, 3(1), (2)(a)

Bagi pihak plaintif - Luqman Hadi Jusoh; T/n Illiayas
Bagi pihak defendan-defendan - Hadir sendiri

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Khadijah Idris PK:

Pendahuluan

[1] Melalui perintah yang dibuat pada 7 Jun 2018, Penolong Kanan Pendaftar (PKP) telah menolak permohonan plaintif untuk kebenaran di bawah A. 46 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah (KKM 2012) bagi mengeluarkan suatu writ pelaksanaan berhubung dengan dua penghakiman ingkar yang diperoleh plaintif terhadap defendan-defendan pertama hingga keempat. Tidak berpuas hati dengan keputusan PKP, plaintif telah merayu kepada hakim dalam kamar.

[2] Setelah menimbangkan keterangan afidavit dan hujah plaintif, mahkamah ini menolak rayuan plaintif dan mengekalkan keputusan PKP. Alasan berhubung dengan penolakan rayuan plaintif dinyatakan di bawah ini.

Latar Belakang Kes

[3] Turutan peristiwa yang berlaku secara kronologi adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Peristiwa
1.	15 July 2011	Plaintif memfailkan Writ Saman dan Penyataan Tuntutan terhadap Defendan-Defendan Pertama hingga Keempat. Kausa tindakan Plaintif terhadap Defendan Pertama adalah kemungkiran Defendan Pertama terhadap terma Perjanjian Kemudahan Kewangan Bai Murabahah mengenai kemudahan pembiayaan yang diberikan oleh Palintif kepada Defendan Pertama. Manakala kausa tindakan terhadap

	Defendan Kedua hingga Keempat adalah kemungkiran Defendan Kedua hingga Keempat terhadap Perjanjian Jaminan bertarikh 15 November 2006 di mana Defendan Kedua hingga Keempat telah bersetuju untuk menjamin secara bersesama dan berasingan pembayaran balik keseluruhan jumlah yang harus dibayar oleh Defendan Pertama kepada Plaintif di bawah Perjanjian Kemudahan Kewangan Bai Murabahah.
11 Ogos 2011	Penghakiman Ingkar Kehadiran dimasukkan terhadap Defendan Pertama dan Defendan Keempat (Penghakiman 11 Ogos 2011).
15 November 2011	Penghakiman Ingkar Kehadiran dimasukkan terhadap Defendan Kedua dan Defendan Ketiga (Penghakiman 15 November 2011).
6 Mac 2014	Penghakiman 11 Ogos 2011 dipinda semula (Penghakiman 11 Ogos 2011 Dipinda Semula).
6 Mac 2014	Penghakiman 15 November 2011 dipinda semula (Penghakiman 15 November 2011 Dipinda Semula).
27 Mac 2013	Surat Plaintif kepada Defendan-Defendan menawarkan cadangan pembayaran balik secara bulanan sebanyak RM 5000.00 sebulan.
10 Ogos 2017	Tempoh penguatkuasaan Penghakiman Ingkar terhadap Defendan Pertama dan Defendan Keempat tamat.
14 November 2917	Tempoh penguatkuasaan Penghakiman Ingkar terhadap Defendan Kedua dan Defendan Ketiga tamat.
30 April 2018	Notis Minta Kebenaran Untuk Mengeluarkan Pelaksanaan (*ex parte*) difailkan oleh Palintif (Permohonan Untuk Kebenaran) di bawah Aturan 46 Kaedah 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012).
7 Jun 2018	PKP menolak Permohonan Untuk Kebenaran Plaintif.

[4] Berdasarkan penghakiman 11 Ogos 2011 dipinda semula, penghakiman yang diperoleh terhadap defendan pertama dan defendan keempat adalah RM5,224,358.08 setakat 17 Februari 2011 dan pampasan pada kadar 1% setahun di atas jumlah prinsipal dan keuntungan yang tertunggak iaitu RM5,145,869.06 (setakat 17 Februari 2011) dikira dari 18 Februari 2011 sehingga tarikh penghakiman.

[5] Berdasarkan penghakiman 15 November 2011 dipinda semula, penghakiman yang diperoleh terhadap defendan kedua dan defendan ketiga adalah RM5,224,358.08 setakat 17 Februari 2011 dan pampasan pada kadar 1% setahun di atas jumlah prinsipal dan keuntungan yang tertunggak iaitu RM5,145,869.06 (setakat 17 Februari 2011) dikira dari 18 Februari 2011 sehingga tarikh penghakiman.

[6] Penghakiman 11 Ogos 2011 dipinda semula dan penghakiman 15 November 2011 dipinda semula selepas daripada ini dirujuk secara bersesama sebagai "penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan".

Alasan Permohonan Untuk Kebenaran Plaintif

[7] Melalui afidavit sokongan (kandungan 39) untuk permohonan untuk kebenaran, plaintif menyatakan seperti berikut:

(i) Defendan-defendan pertama hingga keempat gagal untuk mematuhi bayaran bulanan yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Kali terakhir bayaran balik yang dibuat oleh defendan-defendan adalah pada akhir Disember 2017. Plaintif masih ingin meneruskan prosiding pelaksanaan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan pertama hingga keempat.

(ii) Plaintif berhasrat untuk meneruskan tindakan undang-undang dengan memfailkan petisyen penggulungan terhadap defendan pertama dan notis kebankrapan terhadap defendan-defendan kedua hingga keempat untuk mendapatkan baki hutang.

(iii) Kelewatan plaintif untuk meneruskan pelaksanaan terhadap defendan-defendan adalah tidak disengajakan.

(iv) Plaintif telah beberapa kali memberi peluang kepada defendan-defendan pertama hingga keempat untuk membayar baki hutang namun masih tiada sebarang tindakan dan/atau usaha yang dilakukan oleh defendan-defendan pertama hingga keempat.

[8] Selanjutnya plaintif berhujah PKP telah khilaf apabila menolak permohonan untuk kebenaran atas isu-isu teknikal semata-mata tanpa menghakimi prinsip keadilan substantif dan merit permohonan untuk kebenaran plaintif. Isu-isu teknikal tersebut adalah:

(i) Afidavit menyokong (kandungan 39) permohonan untuk kebenaran tidak dinyatakan tarikh deponen mengikrarkan afidavit tersebut.

(ii) Notis minta kebenaran untuk mengeluarkan pelaksanaan (*ex parte*) plaintif gagal memenuhi format yang ditetapkan sepertimana dalam Borang 88 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012).

(iii) Plaintif gagal mengemukakan jumlah hutang yang tertunggak setakat tarikh pemfailan permohonan untuk kebenaran pada 30 April 2018.

Keputusan PKP

[9] Berdasarkan nota prosiding dicatatkan oleh PKP pada 7 Jun 2018, permohonan untuk kebenaran ditolak atas alasan-alasan berikut:

(i) Plaintif gagal menyatakan jumlah terhutang setakat tarikh permohonan untuk kebenaran difailkan pada 30 April 2018. Amaun terhutang yang dinyatakan dalam afidavit sokongan adalah setakat 18 Januari 2018.

(ii) Notis minta kebenaran untuk mengeluarkan pelaksanaan (*ex parte*) plaintif gagal memenuhi format yang ditetapkan sepertimana dalam Borang 88 KKM 2012.

Undang-Undang

[10] Aturan 46 k. 2 KKM 2012 memperuntukkan suatu writ pelaksanaan untuk menguatkuasakan suatu penghakiman atau perintah tidak boleh dikeluarkan tanpa kebenaran mahkamah jika, antara lainnya, enam tahun atau lebih telah berlalu sejak tarikh penghakiman atau perintah diperoleh. Manakala k. 3 pula memperuntukkan mengenai prosedur permohonan untuk kebenaran mahkamah. Aturan 46 k. 2 dan 3 KKM 2012 memperuntukkan seperti berikut:

> 2. Apabila kebenaran untuk mengeluarkan apa-apa writ pelaksanaan diperlukan (A. 46 k. 2)
>
> (1) Suatu writ pelaksanaan untuk menguatkuasakan suatu penghakiman atau perintah tidak boleh dikeluarkan tanpa kebenaran Mahkamah dalam hal yang berikut:
>
> (a) jika enam tahun atau lebih telah berlalu sejak tarikh penghakiman atau perintah itu;
>
> (b) jika apa-apa pertukaran telah berlaku, sama ada disebabkan kematian atau selainnya, pada pihak yang berhak atau bertanggungan pada pelaksanaan di bawah penghakiman atau perintah itu;
>
> (c) jika penghakiman atau perintah itu ialah terhadap aset orang yang mati yang berpindah ke tangan wasi atau pentadbir pusakanya selepas tarikh penghakiman atau perintah itu, dan diminta dikeluarkan pelaksanaan terhadap aset itu;
>
> (d) jika di bawah penghakiman atau perintah mana-mana orang adalah berhak kepada relief tertakluk kepada penunaian mana-mana syarat yang dikatakannya telah ditunaikan; dan
>
> (e) jika mana-mana harta alih yang diminta supaya disita di bawah suatu writ pelaksanaan berada di dalam tangan seorang penerima yang dilantik oleh Mahkamah.
>
> 3. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk mengeluarkan writ (A. 46 k. 3)

A (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk mengeluarkan suatu writ pelaksanaan **bolehlah dibuat secara *ex parte* melalui notis permohonan dalam Borang 88**.

(2) Suatu permohonan yang sedemikian hendaklah disokong dengan suatu afidavit:

B (a) yang **mengenal pasti penghakiman** atau perintah yang berhubung dengan permohonan itu dan, sekiranya penghakiman atau perintah itu ialah untuk pembayaran wang, **menyatakan amaun asalnya yang kena dibayar di bawahnya dan amaun yang kena dibayar di bawahnya pada tarikh permohonan itu**;

C (b) menyatakan, jika hal itu termasuk di dalam kaedah 2(1)(a), **sebab kelengahan untuk menguatkuasakan penghakiman** atau perintah itu;

(c) menyatakan, jika hal itu termasuk di dalam kaedah 2(1)(b), perubahan yang telah berlaku pada pihak-pihak yang berhak

D atau yang boleh dikenakan pelaksanaan sejak tarikh penghakiman atau perintah itu;

(d) menyatakan, jika hal itu termasuk di dalam kaedah 2(1)(c) atau (d), bahawa suatu tuntutan untuk menunaikan penghakiman atau perintah itu telah dibuat terhadap orang yang

E bertanggungan untuk menunaikannya dan bahawa dia telah enggan atau gagal untuk berbuat demikian; dan

(e) **memberi apa-apa maklumat lain sebagaimana yang perlu untuk memuaskan hati Mahkamah bahawa pemohon adalah berhak untuk meneruskan pelaksanaan penghakiman** atau

F perintah dalam persoalan dan bahawa orang yang terhadapnya pelaksanaan itu diminta dikeluarkan adalah bertanggungan atas pelaksanaannya.

(penekanan ditambah)

G **Keputusan Mahkamah**

Ketidakpatuhan Aturan 46 kaedah 3

[11] Dalam menangani isu ketidakpatuhan dengan peruntukan dalam KKM 2012, peruntukan yang relevan yang mesti dipertimbangkan oleh mahkamah adalah A. 1A dan A. 2 KKM 2012 yang masing-masingnya memperuntukkan

H seperti berikut:

1A Mahkamah atau hakim hendaklah memberi perhatian terhadap keadilan

Perhatian hendaklah terhadap keadilan (A. 1A)

I Dalam mentadbir Kaedah-Kaedah ini, Mahkamah atau seorang Hakim hendaklah memberi perhatian pada kepentingan utama keadilan dan tidak hanya kepada ketidakpatuhan teknikal dengan Kaedah-Kaedah ini.

2 Kesan kerana ketidakpatuhan

1. Ketidakpatuhan Kaedah-Kaedah (A. 2 k. 1)

(1) Jika, pada memulakan atau bertujuan untuk memulakan apa-apa prosiding atau pada mana-mana peringkat dalam penjalanan atau yang berkaitan dengan apa-apa prosiding, telah berlakunya, oleh sebab apa-apa perkara yang dilakukan atau tidak dilakukan, yang tidak mematuhi kehendak Kaedah-Kaedah ini, ketidakpatuhan itu akan dikira sebagai suatu ketidakteraturan dan tidaklah membatalkan prosiding itu, apa-apa langkah yang diambil dalam prosiding itu, atau apa-apa dokumen, penghakiman atau perintah di dalamnya.

(2) Kaedah-Kaedah ini adalah suatu kanun tatacara dan tertakluk kepada objektif utama bagi membolehkan Mahkamah menguruskan kes dengan adil. Pihak-pihak itu dikehendaki untuk membantu Mahkamah bagi mencapai objektif utama ini.

(3) Mahkamah atau Hakim boleh, atas alasan bahawa telah berlakunya suatu ketidakpatuhan yang sedemikian sebagaimana yang disebut dalam perenggan (1), dan atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah atau Hakim, dengan mengambil kira objektif utama Kaedah-Kaedah ini, menjalankan budi bicaranya di bawah Kaedah-Kaedah ini untuk membenarkan apa-apa pindaan, sekiranya ada, untuk dibuat dan membuat apa-apa perintah, sekiranya ada, dalam menguruskan prosiding itu secara umum sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah atau Hakim untuk membetulkan ketidakteraturan itu.

[12] Aturan 46 k. 3 KKM 2012 telah memperuntukkan tatacara bagi sesuatu permohonan untuk kebenaran di bawah A. 46 k. 2. Sehubungan dengan itu:

(i) Plaintif boleh membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk mengeluarkan suatu writ pelaksanaan secara *ex parte* melalui notis permohonan dalam Borang 88; dan

(ii) Permohonan plaintif hendaklah disokong dengan suatu afidavit yang:

(a) mengenal pasti penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan yang ingin dilaksanakan dan menyatakan amaun asalnya yang kena dibayar di bawahnya dan amaun asal yang kena dibayar di bawahnya pada tarikh permohonan untuk kebenaran;

(b) menyatakan sebab kelengahan untuk menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan itu; dan

(c) memberi apa-apa maklumat lain sebagaimana yang perlu untuk memuaskan hati mahkamah bahawa plaintif adalah berhak untuk meneruskan pelaksanaan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan dan bahawa orang yang terhadapnya pelaksanaan itu diminta dikeluarkan adalah bertanggungan atas pelaksanaannya.

[13] Berhubung dengan isu di atas, mahkamah ini mendapati:

(i) Notis permohonan untuk kebenaran plaintif iaitu kandungan 38 sememangnya bukan dalam format notis permohonan dalam Borang 88 KKM 2012. Ini bermakna format permohonan untuk kebenaran plaintif tidak mematuhi A. 46 k. 3(1).

(ii) Dalam afidavit sokongannya, plaintif telah mengenal pasti dua penghakiman yang ingin dilaksanakan terhadap defendan-defendan pertama hingga keempat. Penghakiman 11 Ogos 2011 dipinda semula dan penghakiman 25 November 2011 dipinda semula telah dilampirkan sebagai eks. LHJ-1 dan eks. LHJ-2 masing-masing. Plaintif melalui deponennya telah mengenal pasti dengan spesifik amaun asal yang kena dibayar oleh defendan pertama dan defendan kedua di bawah penghakiman 11 Ogos 2011 dipinda semula. Plaintif juga telah mengenal pasti dengan spesifik amaun asal yang kena dibayar oleh defendan ketiga dan defendan keempat di bawah penghakiman 25 November 2011 dipinda semula.

(iii) Walau bagaimanapun, plaintif tidak menyatakan amaun yang kena dibayar oleh defendan-defendan pertama hingga keempat pada tarikh notis permohonan untuk kebenaran difailkan iaitu 30 April 2018. Plaintif hanya menyatakan di perenggan 9 afidavit sokongannya defendan-defendan mempunyai baki hutang sebanyak RM5,241,302.90 dan RM225 sebagai kos tindakan menjadikan jumlah keseluruhan hutang tertunggak adalah RM5,241,557.90 setakat 18 Januari 2018.

[14] Berhubung ketidakpatuhan di atas, mahkamah ini berpendapat ketidakpatuhan sedemikian adalah suatu ketidakteraturan yang tidaklah menyebabkan salah laksana keadilan yang substantial atau menyebabkan prejudis kepada defendan-defendan. Alasan mahkamah ini adalah seperti berikut:

(i) Walaupun kandungan 38 iaitu notis permohonan untuk kebenaran plaintif tidak dalam format Borang 88 KKM 2012, semakan ke atas kandungan 38 mendapati maklumat yang dinyatakan dalam kandungan 38 tersebut adalah jelas dan mencukupi berhubung dengan niat plaintif untuk mendapatkan perintah mahkamah supaya plaintif dibenarkan untuk melaksanakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan selepas enam tahun penghakiman tersebut diperoleh. Tambahan pula kandungan 38 menyatakan dengan jelas di bawah aturan mana di bawah KKM 2012 permohonan untuk kebenaran dibuat. Adalah diperhatikan susunan kata-kata yang terdapat dalam A. 46 k. 3 adalah:

> 3(1) Suatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk mengeluarkan suatu writ pelaksanaan bolehlah dibuat secara *ex parte* melalui notis permohonan dalam Borang 88.

Mahkamah ini berpendapat peruntukan tersebut tidak diniatkan sebagai mandatori supaya Borang 88 digunakan dengan ketat. Adalah memadai sekiranya mana-mana penyataan substantial yang terkandung dalam Borang 88 dinyatakan dengan jelas dalam kandungan 38. Dalam hal ini, rujukan dibuat pada s. 62 Interpretation Acts 1948 and 1967 yang memperuntukkan seperti berikut:

> 62 Deviation from forms
>
> Any written law prescribing a form shall be deemed to provide that an instrument or other document purporting to be in that form shall not be invalidated by reason of any deviation from the form if the deviation has no substantial effect and is not calculated to mislead.

Sehubungan itu, ketidakpatuhan pada A. 46 k. 3(1) KKM 2012 adalah bersifat teknikal yang tidak substantial sehingga boleh menyebabkan permohonan untuk kebenaran di kandungan 38 ditolak *in limine*. Sepertimana diperuntukkan dalam A. 1A KKM 2012, perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah kepentingan keadilan. Sehubungan itu, mahkamah ini berpendapat objektif untuk mencapai kepentingan keadilan tidak akan dicapai jika permohonan untuk kebenaran ditolak atas alasan ketidakpatuhan teknikal yang tidak substantial.

(ii) Mengenai amaun yang kena dibayar setakat tarikh kandungan 38 difailkan pada 30 April 2018, adalah sememangnya jelas bahawa plaintif gagal mematuhi A. 46 k. 3(2)(a) KKM 2012. Diperhatikan terdapat jarak hampir empat bulan antara 18 Januari 2018 dan 30 April 2018. Sungguhpun demikian mahkamah ini berpendapat kegagalan plaintif menyatakan dengan tepat amaun yang kena dibayar setakat 30 April 2018 adalah suatu ketidakaturan dari aspek teknikal yang tidak substantial. Ketidakaturan sedemikian, pada pendapat mahkamah ini bukanlah satu alasan yang kukuh untuk menolak *in limine* permohonan untuk kebenaran plaintif. Ini adalah kerana hutang yang tertunggak boleh dikenal pasti berdasarkan perkiraan dan kadar yang telah dinyatakan dalam kedua-dua penghakiman yang diperoleh oleh plaintif terhadap defendan-defendan pertama hingga defendan keempat (lihat kes *Tenaga Nasional v. Normala Mohd Yatim & Anor* [2017] 1 LNS 1371).

[15] Isu substantif yang perlu diputuskan adalah sama ada terdapat merit dalam permohonan untuk kebenaran plaintif. Dalam hal ini, bagi membolehkan mahkamah ini menjalankan kuasa budi bicara untuk membenarkan plaintif melaksanakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan selepas enam tahun, mahkamah hendaklah berpuas hati kelengahan plaintif melaksanakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan adalah disebabkan alasan yang munasabah (lihat *Tio Chee Hing v. Chung Khiaw Bank Ltd* [1981] 1 MLJ 227; *Perwira Habib Bank Malaysia Bhd v. Golden Produce Sdn Bhd & Ors* [1997] 3 CLJ Supp 365). Oleh itu, beban

adalah di atas plaintif untuk membuktikan kelengahannya adalah disebabkan wujudnya alasan yang munasabah. Persoalan sama ada wujudnya alasan munasabah adalah persoalan fakta yang perlu diputuskan berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan dalam sesuatu kes (*Affin Bank Bhd v. Wan Abdul Rahman Wan Ibrahim* [2003] 1 CLJ 826; [2003] 2 MLJ 509).

[16] Setelah meneliti keterangan afidavit yang dikemukakan oleh plaintif melalui afidavit sokongannya, mahkamah ini mendapati plaintif tidak langsung menerangkan mengenai tindakan yang telah diambil untuk menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan dalam tempoh enam tahun selepas penghakiman tersebut diperoleh.

[17] Plaintif mendakwa di perenggan 12 afidavit sokongan kononnya plaintif "telah beberapa kali memberi peluang kepada defendan-defendan untuk membayar baki hutang namun masih tiada sebarang tindakan dan/atau usaha yang dilakukan oleh defendan-defendan pertama hingga keempat". Nampaknya plaintif menggunakan peluang yang kononnya diberikan kepada defendan-defendan pertama hingga keempat sebagai alasan menyokong permohonan untuk kebenaran. Perlu diingat di sini bahawa memberi peluang sedemikian bukanlah suatu tindakan penguatkuasaan di bawah KKM 2012.

[18] Walau apapun, tidak ada keterangan yang jelas yang dikemukakan berkenaan dengan peluang yang dikatakan telah beberapa kali diberikan oleh plaintif kepada defendan-defendan pertama hingga keempat untuk menyelesaikan hutang di bawah penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan.

[19] Keterangan dokumentari yang dikemukakan oleh plaintif berhubung dengan tawaran penyelesaian yang didakwa dibuat kepada defendan-defendan adalah surat plaintif bertarikh 27 Mac 2013 (eks. LHJ-3 kandungan 39) kepada defendan kedua dan defendan ketiga. Merujuk kepada surat bertarikh 27 Mac 2013 tersebut (surat plaintif), didapati surat tersebut dibuat atas dasar "Tanpa Prasangka". Di perenggan 9 afidavit sokongan kandungan 39 plaintif menyatakan defendan-defendan telah memungkiri penyelesaian yang ditawarkan kerana gagal untuk membuat sebarang pembayaran kepada plaintif. Adalah diperhatikan tidak ada bukti dikemukakan bahawa tawaran penyelesaian seperti di surat plaintif telah diterima oleh defendan-defendan pertama hingga defendan keempat. Ini amat jelas bagi defendan kedua dan defendan ketiga kerana walaupun nama kedua-dua defendan tersebut tercatat di bahagian bawah surat plaintif dan terdapat ruang untuk tandatangan mereka, defendan kedua dan defendan ketiga tidak menurunkan tandatangan mereka untuk mengesahkan persetujuan mereka menerima terma penyelesaian yang ditawarkan oleh plaintif. Jikapun diandaikan defendan kedua dan defendan ketiga bersetuju menerima tawaran penyelesaian plaintif, persetujuan tersebut tidak mengikat defendan pertama dan defendan keempat. Sungguhpun defendan kedua dan defendan ketiga (yang disaman

oleh plaintif atas kapasiti sebagai penjamin) adalah pengarah defendan pertama, defendan pertama adalah entiti undang-undang yang berasingan daripada defendan kedua dan ketiga.

[20] Berdasarkan keterangan dikemukakan, mahkamah mendapati tidak ada penyelesaian yang dicapai (sepertimana terma dalam surat plaintif) antara plaintif dan defendan-defendan pertama hingga keempat. Berdasarkan s. 23 Akta Keterangan 1950, surat plaintif tersebut yang disediakan atas dasar "Tanpa Prasangka" tidak boleh diterima oleh mahkamah ini (lihat juga kes *Malayan Banking Bhd v. Foo See Moi* [1981] 1 LNS 95; [1981] 2 MLJ 17).

[21] Seterusnya, jikapun diandaikan terdapat penyelesaian sepertimana didakwa oleh plaintif, tidak ada tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh plaintif selepas defendan-defendan memungkiri terma penyelesaian yang didakwa telah dicapai antara kedua-dua pihak. Surat plaintif adalah bertarikh Mac 2013 dan jika defendan-defendan gagal membuat bayaran bulanan berjumlah RM5,000 dari Mac 2013 sehingga Februari 2014, plaintif sepatutnya bertindak menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan selewat-lewatnya selepas Februari 2014 kerana pada masa itu tempoh enam tahun masih berkuat kuasa. Tambahan pula, terma penyelesaian menghendaki defendan-defendan pertama hingga keempat mendepositkan kepada plaintif 11 keping cek-cek lewat tarikh (post-dated cheques) bagi maksud bayaran bulanan. Oleh itu plaintif sepatutnya boleh tahu dengan pasti apabila defendan-defendan gagal membuat pembayaran seperti terma penyelesaian yang didakwa dicapai oleh kedua-dua pihak dan seterusnya menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan tanpa berlengah-lengah. Apatah lagi plaintif mengatakan defendan-defendan telah pun diberikan peluang beberapa kali untuk menyelesaikan hutang mereka. Namun tidak ada keterangan dikemukakan berhubung tindakan penguatkuasaan di pihak plaintif.

[22] Dalam hujah bertulisnya (kandungan 41) di perenggan 9 plaintif berhujah "… defendan-defendan telah mula ingkar membuat bayaran bulanan yang dipersetujui pada akhir 2017 sehingga kini … ". Namun dalam afidavit sokongan kandungan 39 di perenggan 8, plaintif menyatakan seperti berikut:

> 8. Walaubagaimanapun berdasarkan rekod Plaintif, Defendan-Defendan telah gagal mematuhi bayaran bulanan yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Defendan-Defendan hanya membuat bayaran balik kali terakhir pada akhir Disember 2017.

[23] Mahkamah mendapati terdapat percanggahan antara kedua-kedua kenyataan tersebut. Walau apapun, plaintif adalah terikat dengan penyataan dalam afidavitnya. Berdasarkan penyataan dalam afidavit sokongan, dikatakan defendan-defendan telah gagal membuat bayaran bulanan (atas andaian wujudnya suatu penyelesaian antara kedua-dua pihak) semenjak Mac 2013 dan hanya membuat bayaran pada akhir Disember 2017. Dalam

keadaan yang sedemikian, plaintif sepatutnya mengambil tindakan segera untuk menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan antara tahun 2013 sehingga Ogos 2017 dan/atau November 2017. Namun plaintif tidak berbuat demikian. Tidak ada alasan munasabah diberikan kenapa plaintif seharusnya menunggu defendan-defendan membuat bayaran dalam bulan Disember 2017 sedangkan pada masa itu telah melebihi enam tahun dari tarikh penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan diperoleh. Plaintif juga diperhatikan menunggu hingga April 2018 untuk membuat permohonan untuk kebenaran.

[24] Bukan sahaja plaintif tidak menyatakan apakah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap defendan-defendan pertama hingga keempat dalam tempoh enam tahun selepas penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan diperoleh, malahan plaintif juga tidak memberikan penjelasan berkenaan dengan kelengahan mereka untuk mengambil tindakan penguatkuasaan. Ini adalah dikesali, lebih-lebih lagi plaintif sendiri mengakui di perenggan 12 afidavit sokongan kandungan 39 bahawa terdapat kelengahan di pihak mereka. Dengan sekadar menyatakan kelengahan mereka tidak disengajakan adalah amat tidak mencukupi sama sekali untuk dijadikan alasan untuk datang ke mahkamah dan meminta mahkamah ini membenarkan permohonan untuk kebenaran plaintif.

[25] Dalam hal ini mahkamah mengambil maklum s. 6(3) Akta Had Masa 1953 yang memperuntukkan seperti berikut:

> 6. Had masa tindakan mengenai kontrak dan tort dan tindakan lain yang tertentu
>
> …
>
> (3) Sesuatu tindakan ke atas apa-apa penghakiman tidak boleh dibawa selepas tamatnya tempoh dua belas tahun dari tarikh penghakiman itu boleh dikuatkuasakan dan tiada apa-apa tunggakan bunga mengenai apa-apa hutang penghakiman boleh didapatkan kembali selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh bunga itu kena dibayar.

[26] Berdasarkan peruntukan di atas, plaintif mempunyai 12 tahun untuk menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan. Namun mahkamah berpendapat peruntukan tersebut di atas tidak seharusnya ditafsirkan sebagai membolehkan plaintif mengambil masa sesuka hatinya dan berlengah-lengah tanpa alasan yang munasabah dalam mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap defendan-defendan pertama hingga keempat. Dalam hal ini, rujukan dibuat pada kes *Affin Bank Bhd v. Wan Abdul Rahman Wan Ibrahim* [2003] 1 CLJ 826; [2003] 2 MLJ 509 di mana Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:

> It is incumbent upon an applicant to furnish the court with sufficient reason in support of an application under O. 46 r. 2(1) of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC'). Sufficient reason varies from case to case

and it is not possible for the Court of Appeal to provide an exhaustive list of what is considered to be sufficient reason. In the instant case, the fact that the application was made within the 12-year period as prescribed by s. 6(3) of the Limitation Act 1953 was not a sufficient ground for the granting of leave as the right to sue on a judgment is distinct from the right to issue execution (see p 512B-E).

Although the only reason advanced by the appellant in support of its application was the neglect of its former solicitors, the appellant was not free from blame, having taken more than two years to appoint new solicitors after failing to hear from its former solicitors. The Court of Appeal would agree with the High Court that the appellant had failed to furnish sufficient reason.

Sehubungan itu, plaintif mestilah terlebih dahulu mengemukakan alasan yang mencukupi dan munasabah bagi membolehkan plaintif diberikan kebenaran untuk menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan selepas enam tahun berlalu.

Kesimpulan

[27] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, plaintif telah gagal mengambil tindakan sewajarnya untuk menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan dalam tempoh enam tahun dari tarikh penghakiman tersebut diperoleh. Plaintif juga gagal menerangkan kenapa tindakan penguatkuasaan tidak diambil terhadap defendan-defendan pertama sehingga keempat. Selanjutnya tidak ada alasan yang munasabah yang diberikan untuk menjelaskan kelengahan mengambil tindakan penguatkuasaan tersebut.

[28] Sungguhpun mahkamah ini mempunyai budi bicara untuk memberikan kebenaran bagi mana-mana permohonan di bawah A. 46 k. 3 KKM 2012 (*Public Bank Berhad v. Seato Trading (M) Sdn Bhd & Ors* [1995] 1 LNS 326; [1996] 1 MLJ 165), budi bicara tersebut mestilah dijalankan dengan bijak (judiciously) berdasarkan prinsip undang-undang yang telah ditetapkan. Dalam kes ini mahkamah ini berpendapat, berdasarkan fakta dan keterangan yang dikemukakan, tidak ada alasan yang mencukupi yang boleh dijadikan justifikasi untuk mahkamah ini menjalankan kuasa budi bicara tersebut. Sekiranya permohonan untuk kebenaran dibenarkan, ini bermakna mahkamah ini memaafkan dan bersetuju dengan perbuatan plaintif yang telah *slept on its right* selama enam tahun tanpa mengambil tindakan penguatkuasaan dan tanpa alasan yang munasabah berhubung kelengahan menguatkuasakan penghakiman ingkar terhadap defendan-defendan.

[29] Sehubungan dengan itu, rayuan plaintif terhadap keputusan PKP bertarikh 7 Jun 2018 telah ditolak.